

KES PENDERAAN ANJING
DIBAWAH SEKSYEN 29(1)(a) AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015 (Akta 772)
MAHKAMAH MAJISTRET KUANTAN
NO KES : CA-83-654-11/2019 @ IP 23/2018 (C/AKH 2015)



[KES PERTAMA DIBAWAH AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015]

Seorang lelaki berbangsa cina bernama Ng En Choah (KP No: 710628-08-5115) yang tinggal di alamat B-1521, Lorong Air Putih 2, Jalan Beserah 25300 Kuantan, Pahang telah dituduh di Mahkamah Majistret Kuantan pada 14.11.2018 atas kesalahan memukul dan menyepak seekor anjing. Beliau dituduh di bawah Seksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)

Orang Kena Tuduh (OKT) membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan tersebut di hadapan Majistret, Puan Nor Azizah binti Aling dan dijatuhkan hukuman sebanyak RM25,000.00 atau jika gagal bayar 12 bulan penjara di bawah Seksyen 29(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772). OKT gagal membayar denda tersebut dan dihantar ke Penjara Penor, Pahang bagi menjalani hukuman penjara selama 12 bulan.

Kejadian tersebut berlaku pada 10.10.2018 lebih kurang jam 9.00 pagi di dalam kawasan Syarikat Perkhidmatan Hung Thai Crane, Jalan Semambu-Jabor, di dalam Daerah Kuantan di Negeri Pahang dan tular di media sosial Facebook Persatuan Haiwan Malaysia pada 14 Oktober 2018. Laporan polis telah dibuat oleh pihak persatuan berhubung kejadian tersebut.

Kes ini merupakan kes yang pertama di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)